# PRAKTIS SPM 1

**Kertas 1**

1. Apakah perkataan bahasa Arab yang merujuk kepada konsep kedaulatan?
BUKU TEKS 4
**A** Aulad **C** Derhaka
**B** Daulah **D** Supernuus

2. Apakah tafsiran tokoh berikut berkaitan kedaulatan?
BUKU TEKS 5



**A** Kuasa tertinggi
**B** Semangat beragama
**C** Kerajaan perlembagaan
**D** Kebebasan dan keadilan

3. Senarai berikut menunjukkan jenis kedaulatan.
BUKU TEKS 6

- Kedaulatan **X**
- Kedaulatan moden
- Kedaulatan antarabangsa
- Kedaulatan undang-undang

Apakah **X**?
**A** Asasi **C** Tradisional
**B** Bersyarat **D** Ketenteraan

4. Apakah maksud kedaulatan antarabangsa?
BUKU TEKS 7
**A** Kuasa mutlak pemerintah
**B** Semangat nasionalisme rakyat
**C** Persamaan rumpun bangsa dan bahasa
**D** Pengiktirafan PBB terhadap sesebuah negara

5. Apakah ciri-ciri negara berdaulat?
BUKU TEKS 8
**A** Memiliki sumber bahan mentah
**B** Mengamalkan sistem demokrasi
**C** Mempunyai rakyat dan sempadan
**D** Menjalin hubungan dengan kuasa luar

6. Gambar berikut menunjukkan hubungan Malaysia dengan negara lain.
BUKU TEKS 11



Apakah kesan jalinan hubungan tersebut?
I Melahirkan generasi berilmu
II Mengukuhkan perpaduan rakyat
III Mempertahankan kedaulatan negara
IV Menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

7. Apakah kepentingan pelaksanaan dasar berikut?
BUKU TEKS 11

- Rukun Negara
- Bahasa Kebangsaan

**A** Menyatukan rakyat
**B** Memupuk daya saing
**C** Menjamin kemakmuran
**D** Memelihara hak asasi rakyat

8. Apakah peranan pemerintah untuk mencapai matlamat berikut?
BUKU TEKS 12

- Mewujudkan kestabilan politik
- Menjamin kemakmuran ekonomi

**A** Memberikan kesetiaan
**B** Mengukuhkan parti politik
**C** Mengelakkan amalan rasuah
**D** Menghormati lambang negara

9. Bagaimanakah pemerintah dapat mengukuhkan pertahanan negara?
BUKU TEKS 15
I Memodenkan aset ketenteraan
II Mengadakan perjanjian pertahanan
III Mengamalkan ideologi Rukun Negara
IV Menganjurkan sambutan Hari Kemerdekaan
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

10. Antara berikut, yang manakah merupakan peranan rakyat untuk mempertahankan kedaulatan negara?
BUKU TEKS 15
**A** Menganggotai pasukan keselamatan
**B** Mewujudkan pentadbiran yang cekap
**C** Menjalin kerjasama dengan negara luar
**D** Menggubal dasar pembangunan ekonomi


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
LIVEWORKSHEETS